

SOALAN NO: 34

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPA DA : Tuan Gooi Hsiao- Leung [Alor Setar]

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : (Tuan Gooi Hsiao- Leung) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:- tindakan yang telah diambil untuk memaksa BERNAS memenuhi jaminannya untuk melaksanakan penstrukturan semula korporat dan untuk menyenaraikan semula syarikatnya dalam BURSA Malaysia selepas dinyahsenaraikan dalam 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada ketika ini Kerajaan lebih menfokuskan kepada prestasi BERNAS dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sosialnya seperti yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi di antara BERNAS dengan Kerajaan Malaysia. Bagi penyenaraian semula BERNAS, perkara tersebut akan diputuskan oleh pemegang-pemegang saham BERNAS dengan mengambil kira keadaan pasaran saham semasa.